

50

~~270~~  
~~38/79~~

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OMN,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM  
PERJUNPAAN DENGAN ORANG-ORANG  
ASLI SERTA MERESMIKAN SEKOLAH  
KEBANGSAAN FOS GENALAH, ULU  
KELANTAN PADA 2HB. MAC, 1974  
JAM 11.30 PAGI - HARI SABTU.

Y.A.B. Datuk Menteri Besar Kelantan dan Datin,

Y.B. Datuk Mohd. Asri, Menteri Kemajuan Tanah  
dan Datin,

Y.B. Tuan Haji Mohamad Yaakob, Menteri Pelajaran,  
Datuk Batin, Penghulu-Penghulu,  
Pegawai-Pegawai Kerajaan, dan  
Saudara-saudara sekalian.

Sudah lama saya berhajat hendak datang ke sini berjumpa dengan saudara-saudara. Pada hari ini saya bersyukur kerana dapat peluang datang dan saya sangat bersyukur kerana dapat hadir dan juga menyaksikan ramai orang datang menyambut saya.

2. Tujuan saya datang ialah untuk berjumpa, berkenel-kenal dengan Penghulu dan saudara-saudara dan juga untuk mengambil tahu akan susahpayah serta masalah saudara-saudara di sini. Ketika datang ke sini, saya diminta meresmikan Sekolah Kebangsaan Pos Gemalah. Saya mengucapkan terimakasih kerana saudara-saudara telah bersusah-payah datang ke sini berkumpul, meninggalkan kerja hari ini. Tetapi saya harap pertemuan kita akan dapat menghasilkan beberapa perkara.

3. Saya tahu saudara-saudara telah lama tinggal di sini dan telah menetap di sini berkehendakkan banyak kemudahan-kemudahan seperti tanah, rumah dan lain-lain seperti orang-orang di bandar.

Kerajaan memanglah berusaha membaiki keadaan hidup saudara-saudara dan memberikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

4. Satu perkara yang sangat mustahak di sini ialah soal keselamatan. Kita tahu saudara selalu diganggu dan dikacau oleh musuh kita iaitu pengganas komunis. Mereka mahukan pertolongan. Saudara-saudara merasa bimbang kerana keselamatan tidak terjamin. Oleh itu, Kerajaan menjalankan langkah melindungi saudara supaya tidak diancam oleh musuh-musuh ini.

Janganlah berikan apa-apa pertolongan kepada mereka.

5. Saudara-saudara tahu yang Orang-orang Asli ada mempunyai pasukan tenteranya yang diberi nama "Senoi Praaq". Ia ditubuhkan khas bagi melindungi orang-orang Asli dan juga mencari musuh-musuh kita di dalam hutan. Kerajaan berpuashati dengan kerja-kerja Senoi Praaq ini dan akan diperbesarkan lagi. Ramai pemuda-pemuda akan diambil supaya dapat menjamin keselamatan saudara di kampung-kampung yang jauh terpencil ini.

6. Kerajaan juga hendak menggalakkan pemuda-pemuda dan orang-orang kampung memasuki Pasukan MELANAN Rakyat dan AP. Kerajaan akan memberi senjata, melatih saudara-saudara menggunakan senjata supaya bila musuh datang,

saudara-saudara boleh ambil senapang dan  
tebak mereka. Saudara tidak perlu takut  
dan biabang sebab Kerajaan sentiasa menolong  
saudara-saudara. Kerajaan akan cuba memberikan  
pertolongan bagi melindungi keselamatan dan  
kebaikan saudara-saudara sekalian.

7. Ini satu langkah yang baik. Saya  
harap lebih ramai anak-anak menjadi Relawan  
dan AP. Tujuan Kerajaan mengambil saudara-  
saudara ialah supaya kita dapat jaga rumah  
dan keselamatan sendiri. Janganlah percaya  
dengan pujukan-pujukan komunis konon-nya  
mereka boleh menjaga keselamatan saudara-  
saudara. Itu bohong dan tipu sahaja.

Saudara-saudara,

8. Selain daripada rancangan menjaga keselamatan, tentu juga saudara tahu iaitu Jabatan Helelwal Orang-orang Asli sedang membuat rancangan memberi kesenangan kepada Penghulu-penghulu dan saudara-saudara. Upamanya, khidmat perubatan dan kesihatan. Kita ada doktor dan jururawat yang boleh datang melawat orang-orang sakit. Kita juga ada membuat kelinik-kelinik di pusat-pusat dan kampong Orang Asli. Sudah ada 144 buah kelinik dan pos-pos perubatan. Di Kelantan saja ada 30 buah kelinik. Satu hospital besar terdiri di Gombak, Kuala Lumpur, bagi orang-orang yang sakit kuat. Inilah bukti Kerajaan berusaha supaya saudara-saudara sihat selalu dan kalau ada penyakit kita beri ubat dan bagi nasihat yang baik.

9. Selain dari kesihatan dan beri ubat, Kerajaan menggalakkan Penghulu-penghulu dan saudara-saudara bercucuktanam ikut cara yang baik. Kalau boleh, kita tak suka buka hutan, tanam padi huma dan tinggalkan. Kita mahu tanaman yang memberi hasil. Kita mahu buka banyak rancangan tanah. Sekarang ini ada 90 kawasan Orang Asli yang mempunyai rancangan tanah seluas 11 ribu <sup>akar</sup> ribu. Kita juga cuba mengadakan Kampong Contoh bagi saudara-saudara supaya ada rumah yang teratur, ada jamban dan ada bilik tidur supaya suami-isteri dapat rahat dan tidak dikacau oleh anak-anak.

10. Bagi kawasan Gemalah Inti, Kerajaan telah menampatkan rancangan ternakan dan juga tanaman pokok seperti durian, rambutan dan lain-lain. Bantuan lain seperti benih, boleh kite bagi. Kalau saudara-saudara hendak beja, kapak, beliong, parang, cangkul dan alat-alat yang lain, bagi tahu supaya Pegawai-pegawai Jabatan Orang Asli boleh beri.

11. Lagi satu perkara yang saya rasa austahak dan Penghulu-penghulu serta saudara-saudara telah lama bertanya-tanya ialah berkenaan dengan tanah. Saya telah berunding dengan Y.B. Datuk Menteri Besar Kelantan. Menurut Datuk yang ada bersama-sama kita, dia memanglah berhajat sangat-sangat hendak memberi tanah, kerana bila ada tanah,

Jabatan Orang Asli dapat menjalankan rancangan pembangunan yang lebih teratur. Harap sabarlah sementara menunggu.


12. Begitu juga soal pelajaran anak-anak. Saya tahu saudara-saudara mahukan anak-anak diberi pelajaran tinggi, pergi sekolah sampai ke Universiti. Kita tidak mahu lagi anak-anak duduk di kampung tidak buat apa-apa kerja. Masa ini Kerajaan sudah buat 10-buah sekolah pusat dan 8-buah asrama untuk anak-anak termasuklah sekolah pusat seperti di Gemalah. Ini satu perkara yang komunis tak boleh beri. Jadi, kita harap banyak lagi tempat akan kita dirikan sekolah dan juga pusat pendidikan.

13. Pada masa ini, kita dapat tahu ada 2-orang anak orang Asli yang belajar di sekolah tinggi. Satu di Universiti Pertanian. Saya harap dia akan lulus dan jadi Pegawai Pertanian. Seorang lagi di Institut Teknologi MARA. Jadi, saya harap ramai lagi anak-anak dapat pergi ke sekolah-sekolah tinggi sehingga ke England pun. Mereka ini mestilah rajin belajar dan Kerajaan akan berikan segala kemudahan dan bantuan untuk memajukan anak-anak saudara. Bagi ibubapa mestilah galakkan anak-anak supaya mereka tekun dan rajin belajar. Dari sekolah ini, saya harap dalam masa lima, enam tahun lagi ada anak-anak yang dapat belajar ke Universiti atau mana-mana sekolah tinggi.

14. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terimakasih kepada Penghulu-penghulu dan saudara-saudara yang beri sokongan kepada Kerajaan. Saya sukalah ingatkan, tempat ini ialah negara kita. Kita sama-sama hendak majukan negara, hendak jaga keselamatan kita, hendak hapuskan komunis supaya dia tidak mengacau. Sama-samalah kita berdoa supaya kita semua selamat. Saya harap dapat datang lagi ke tempat ini pada masa akan datang.

15. Dengan itu, saya sukacitalah merasmikan Sekolah Pusat PDS Gemalah ini.

Terimakasih.





No Siri	594
No Penerimaan	104/79